



Nur Muhammad Dan Nur Panjtan: Satu Perbandingan

Muhamad Farhan Samsuddin & Fadzli Adam

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE)
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu,
Terengganu, Malaysia.

abdullah33_farhan@yahoo.com

Abstrak: Pemahaman tentang hakikat Nur Muhammad ini berkaitan dengan makhluk yang pertama diciptakan oleh Allah SWT. Isu kejadian awal makhluk ini juga menjadi perbincangan dalam aliran tarekat tasawuf dan dalam aliran Syiah Namun begitu dalam isu hakikat Nur Muhammad ini sebahagian para sarjana hadis menolak kejadian pertama makhluk adalah Nur Muhammad. Malah ada yang mengaitkan kejadian hakikat Nur Muhammad ini telah terpengaruh dengan konsep Nur Panjtan yang wujud dalam aliran Syiah. Kajian ini bertujuan membandingkan antara Nur Muhammad dengan Nur Panjtan melalui dari tiga aspek utama iaitu (1) dari sudut dalil yang dikemukakan oleh kedua-dua aliran, (2) aspek persamaan yang wujud antara keduanya dan seterusnya (3) kajian ini akan melihat perbezaan konsep Nur Muhammad dengan Nur Panjtan. Kajian kualitatif ini menggunakan metode dokumentasi dan temu bual bagi memperoleh data. Kajian mendapati kedua-dua aliran Syiah dan tasawuf merujuk kepada dalil yang sama sebagai hujah bahawa cahaya Nabi Muhammad SAW adalah makhluk terawal dicipta. Namun, konsep Nur Panjtan yang difahami oleh Syiah mempunyai perbezaan ketara berbanding konsep hakikat Nur Muhammad yang difahami oleh tasawuf. Implikasi dari kajian ini dapat menjelaskan kekeliruan yang timbul dalam kalangan masyarakat hari ini. Selain itu juga, dapat memberi sumbangan kepada pihak berwajib untuk menjawab tuduhan yang dikeluarkan oleh sesetengah golongan yang mengatakan tasawuf terpengaruh dengan aliran Syiah yang sesat.

Kata Kunci: *Nur Muhammad; Nur Panjtan; Syiah; tasawuf; makhluk pertama.*

PENGENALAN

Doktrin Nur Muhammad selalunya dikupas dalam pengajian-pengajian daripada aliran tasawuf yang telah tersebar di Nusantara sejak lebih sedekad yang lalu. Konsep Nur Muhammad merujuk kepada kefahaman mengenai kewujudan makhluk terawal yang diciptakan oleh Allah SWT. Konsep ini menentengahkan bahawa makhluk pertama yang diciptakan oleh Allah SWT ialah Nur Muhammad atau difahami sebagai cahaya Nabi Muhammad SAW. Melalui konsep ini, difahami bahawa cahaya Nabi Muhammad SAW merupakan ciptaan terawal diciptakan Nabi Adam a.s, malah sebelum penciptaan qalam, langit, bumi dan selainnya lagi. Justeru konsep ini juga menjelaskan bahawa segala ciptaan selepasnya adalah daripada percikan Nur Muhammad ini.

Konsep yang sama juga disebut terdapat dalam ajaran pemikiran Syiah. Namun menggunakan versi nama yang berbeza, iaitu Nur Panjtan. Nur Panjtan dan Nur Muhammad kedua-duanya dikaitkan dengan cahaya Nabi Muhammad sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang terawal sebelum diciptakan makhluk lain. Oleh sebab kedua-dua konsep ini membincangkan aspek yang sama, maka ada pandangan yang mengatakan aliran tasawuf adalah bermula daripada ajaran Syiah, atau terdapat resapan Syiah dalam ajaran tasawuf (Muhamad Asri, 2007). Malah ada yang menyifatkan kumpulan tarekat tasawuf muncul daripada pelbagai pemikiran aliran agama lain seperti Hindu, Budha, Kristian dan Neoplatonisma (Abdulfatah, 1987).

Sebahagian sarjana bidang hadis di Malaysia menafikan hadis yang menyebut Nur Muhammad sebagai ciptaan awal makhluk. Hadis ini banyak ditemui dalam kitab-kitab lama yang dijadikan rujukan pengajian pondok di Malaysia (Muhamad Asri, 2007). Oleh sebab golongan ini tidak menerima periwayatan hadis tersebut sebagai sahih, maka mereka menyifatkan konsep Nur Muhammad yang difahami dalam institusi tarekat tasawuf adalah kepercayaan rekaan yang terpengaruh dengan ajaran Nur Panjtan daripada aliran Syiah. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi menganalisa kefahaman konsep ciptaan awal makhluk dalam kedua-dua aliran tarekat tasawuf dan Syiah.

SOROTAN LITERATUR

Kajian dan penulisan berkaitan Nur Muhammad ini pernah dibincangkan oleh beberapa orang sarjana sama ada dalam bentuk khusus ataupun dalam bentuk umum. Perbincangan ini juga sering dikaitkan dengan pengaruh-pengaruh luar yang dikaitkan dengan Nur Muhammad.

Abdul Aziz Sukarnawadi (2015) menulis secara ilmiah buku bertajuk “*Di Bawah Lindungan Rasulullah SAW: Menyibak Tirai Keagungan Sang Manusia Cahaya*” memperincikan persoalan berkaitan Nur Muhammad yang termasuk dalam fokus kajian ini. Pandangan berkaitan Nur Muhammad dalam penulisan tersebut merupakan pendapat yang dipegang oleh golongan sufi dan Ahli Sunnah dengan pandangan bahawa penciptaan makhluk pertama ialah Nur Muhammad SAW. Perbincangan beliau adalah bersumberkan hujah-hujah yang kuat daripada dalil-dalil al-Quran, hadis dan rujukan-rujukan muktabar lain. Walau bagaimanapun penulisan beliau tidak membandingkan kefahaman Nur Muhammad ini dengan konsep Nur Panjtan dalam Syiah sebagaimana kehendak kajian ini.

Shaykh ‘Ali Jum‘ah (2009) dalam buku fatwanya menyentuh berkaitan Nur Muhammad. Beliau menyentuh berkenaan awal makhluk dan mengemukakan beberapa dalil al-Quran dan hadis berkenaan dengan Nur Muhammad adalah makhluk pertama diciptakan. Buku ini juga menjawab beberapa kekeliruan dikalangan umat Islam berkaitan Nur Muhammad. Namun begitu perbincangan Nur Muhammad dalam buku ini tidak menyentuh Nur Panjtan yang wujud dalam Syiah dan dikaitkan dengan Nur Muhammad.

Zulkefli Aini (2008) dalam tesis PhDnya yang bertajuk “*Doktrin Nur Muhammad Di Alam Melayu: Kajian Terhadap Pemikiran Hamzah Fansuri, Nur al-Din al-Raniri dan Abd Ra’uf Al-Fansuri*”. Perbincangan kajian ini lebih memfokuskan kepada pemikiran tiga orang tokoh sufi Nusantara dalam memahami doktrin Nur Muhammad. Kajian ini memperlihatkan doktrin Nur Muhammad ini merupakan satu isu penting dalam ilmu tasawuf di Nusantara. Kajian ini juga megemukakan beberapa dalil dari Al-Quran dan Hadis berkaitan Nur Muhammad. Gambaran yang jelas diberikan dalam kajian in tentang pemikiran mereka dalam menjelaskan doktrin Nur Muhammad yang berlatar belakangkan pemikiran tokoh tasawuf seperti Ibnu Arabi ,al-Jīlī, al-Jāmī dan beberapa orang tokoh falsafah seperti Ibn Sina dan al-Farabi. Namun kajian ini bertujuan untuk membebaskan perbincangan Nur Muhammad ini dari pengaruh-pengaruh luar dan kajian ini mengemukakan dalil yang kuat dalam menyokong kebenaran doktrin Nur Muhammad ini.

Maruan bin Mohd Yusoff (2002) dalam kajiannya bertajuk “*Nur Muhammad: Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam di Negeri Kelantan*”. Kajian beliau bertujuan untuk menilai sejauh mana masyarakat di negeri Kelantan memahami doktrin Nur Muhammad. Kajian ini mengedarkan 300 soalan soal selidik dan menemu bual 21 orang responden bagi mengutip data yang diperlukan. Kajian ini mengfokuskan beberapa daerah di negeri Kelantan, iaitu di Bachok, Pasir Mas, Kota Bharu dan Pasir Putih. Selain itu kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana kebenaran dakwaan sesetengah pihak dalam membincangkan doktrin Nur Muhammad ini dipengaruhi oleh unsur-unsur Syiah, ajaran Martabat Tujuh, teori Insan Kamil, fahaman Wahdah al-Wujud dan teori falsafah Neo-Platonisme. Hasil dari dakwaan ini beliau telah membandingkan dengan dalil-dalil naqli dan temu bual masyarakat di Kelantan.

Abdul Hadi W.M (2001) dalam bukunya yang bertajuk “*Tasawuf yang Tertindas: Kajian Hermeneutik terhadap karya-karya Hamzah Fansuri*”. Buku ini meneliti syair-syair Hamzah Fansuri dengan menggunakan pandangan ulama-ulama sufi terhadap tokoh ini dan karya-karyanya. Selain daripada itu buku ini juga melihat pemikiran Hamzah Fansuri dalam menggunakan pedoman al-Quran, hadis dalam karya-karyanya dan peranan tokoh ini dalam perkembangan falsafah, sastera di Alam Melayu. Buku ini juga menjelaskan gagasan Nur Muhammad dan Hakikat Muhammad dalam syair-syair Hamzah Fansuri. Namun begitu syair-syair ini tidak menjelaskan secara terperinci berkaitan gagasan Nur Muhammad berdasarkan pemikiran tasawuf Hamzah Fansuri.

Budah Udah Mohsin (1997) dalam kajiannya menyentuh tentang dalil dan sumber doktrin Nur Muhammad. Tulisannya bertajuk “*Nur Muhammad Satu Kajian Mengenai Kesahihan Hadis-Hadis*”. Beliau memberi pandangan berkenaan dengan kitab-kitab yang mempunyai perbincangan Nur Muhammad ini, sebahagian besar daripada mereka mengangap hadis berkenaan Nur Muhammad ini adalah sah. Hal ini telah mendorong aliran sufi berpandangan setiap makhluk ini diciptakan kerana wujudnya makhluk pertama diciptakan oleh Allah SWT iaitu Nur Muhammad ataupun hakikat Muhammad. Namun begitu tulisan ini menjelaskan melalui kajiannya mendapati bahawa hadis-hadis berkaitan Nur Muhammad dikategorikan sebagai hadis palsu. Dakwaan ini ekoran daripada pengkaji melihat hadis ini dari uslub (gaya dan pendekatan) dan kandungan mendapati hadis tersebut tidak *thābit* daripada Rasulullah. Hal ini dianggap penting kerana berkait rapat dengan persoalan akidah dan perlulah dijelaskan dengan al-Quran dan hadis sah.

Muhammad Bukhari Lubis (1993) dalam bukunya yang bertajuk “*The Ocean of Unity: Wahdah al-Wujūd in Persian, Turkish and Malay Poetry*” membincangkan puisi-puisi Hamzah Fansuri. Kajian ini menyentuh doktrin Nur Muhammad dalam karya syair-syair Hamzah Fansuri yang berkait dengan doktrin *Wahdah al-Wujūd*. Namun begitu buku ini tidak menjelaskan secara khusus berkaitan dengan perbincangan

Nur Muhammad sebaliknya hanya menjelaskan syair-syair Hamzah Fansuri berkenaan dengan Nur Muhammad yang telah diterjemahkan oleh Samsuddin al-Sumatra'i. Kajian tersebut dilihat tidak mencukupi sebagai bukti dalam menyokong kebenaran doktrin Nur Muhammad.

Dalam aliran Syiah juga wujud doktrin seiras Nur Muhammad tetapi dengan nama Nur *Panjtan*. Namun begitu untuk menerima Nabi Muhammad SAW sebagai Nur dalam pengertian majazi (bahasa pinjaman) bukanlah ditolak oleh semua ulama. Bahkan ulama beraliran salafi wahabi juga mengakui bahawa Rasulullah SAW adalah cahaya tetapi bukanlah dikhususkan kepada Rasulullah SAW sahaja tetapi Nur itu membawa makna cahaya agama Islam dan cahaya al-Quran. Pertembungan pandangan dalam bab Nur Muhammad ini telah mewujudkan satu golongan ulama yang mendakwa Nur Muhammad ini telah terpengaruh dengan aliran Syiah. Antaranya ialah U. Rubin, Seyyed Hossein Nasr, Kamil Mustafa al-Shibi, Muhammad Asri Yusoff, Mahayuddin dan Kamis Ismail.

U. Rubin (1975) dalam kajiannya yang bertajuk "*Pre existence and light: Aspects of the concept of Nur Muhammad*" telah membuka kitab-kitab Syiah dan mendapati perbincangan berkaitan Nur Muhammad ini juga dibincangkan oleh mereka seperti dalam kitab Manāqib 'Ali Abi Ṭālib karangan Ibn Shahrasūb, 'Illal al-Sharāi karangan Ibn Babawayhi, Bihār al-Anwār susunan al-Majlisī dan Ithbāt al-Waṣiyyah li al-Imām 'Alī ibn Abī Ṭālib karangan al-Mas'ūdī. Berdasarkan kajian tersebut beliau telah menyatakan beberapa bentuk fahaman yang berkait rapat dengan doktrin Nur Muhammad yang menjadi perbincangan dalam pemikiran akidah Syiah.

Seyyed Hossein (1972) dalam tulisannya yang bertajuk "*Shi'ism and Sufism: Their Relationship in Essence and in History*" dan "*Ideas and Realities*" menyatakan beberapa konsep yang ada dalam aliran Syiah turut terdapat dalam aliran tasawuf. Beliau telah mengemukakan contoh Nur Muhammad ini telah diambil dari pemikiran atau doktrin Nur Panjtan. Persamaan ini dilihat dari aspek kejadian pertama makhluk Allah adalah Nur Muhammad kemudian terpecah kepada empat Nur iaitu Nur Fāṭimah, Nur 'Ali, Nur Ḥusayn dan Hasan.

Kamil Mustafa (1982) dalam bukunya yang bertajuk "*al-Ṣilah bayna al-Tasawwuf wa al-Tashayyū*" juga mengaitkan Nur Muhammad ini telah dipengaruhi oleh aliran Syiah kerana ciri-ciri awal Nur Muhammad itu adalah sama iaitu menggunakan dalil hadis Jarir r.a. Namun begitu sebahagian ulama hadis menolak kesahihan hadis Jarir r.a ini kerana perawi dikatakan berfahaman Syiah. dan pembohong.

Muhammad Asri (2007) dalam tulisannya menjelaskan status berkenaan hadis Jarir r.a ini. Beliau telah menyatakan hadis ini bertaraf palsu kerana hadis ini dijumpai dalam Musnaf 'Abd al-Razzāq yang dianggap Syiah Rafidhah oleh tokoh-tokoh hadis. Dakwaan ini dibuat melalui beberapa pembuktian yang dinukilkan oleh ulama-ulama hadis.

Rentetan daripada dakwaan ini Mahayudin Yahya (1994) dan Kamis Ismail (2003) menyatakan doktrin Nur Muhammad ini muncul di Alam Melayu kerana telah terpengaruh dengan doktrin Nur Panjtan Syiah yang merupakan aliran yang pernah sampai di Alam Melayu. Dalam "*Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*" karya Mahayudin telah mendakwa kewujudan doktrin ini dalam pemikiran masyarakat di Alam Melayu sejak dahulu lagi.

Namun begitu Kamis Ismail (2003) dalam tulisannya yang bertajuk "*Shi'ah dan Pengaruhnya dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu*" juga mengetengahkan pendirian yang sama dengan Mahayudin. Namun begitu beliau tidak menceritakan bagaimana doktrin Nur Muhammad dan Nur Panjtan ini dikaitkan dan berkembang dalam pemikiran aliran sufi di Alam Melayu.

Berdasarkan sorotan literatur yang ditemui berkaitan Nur Muhammad yang dikaitkan dengan Nur Panjtan, kebanyakan penulis melihat dari sudut sumber yang sama sahaja. Namun begitu doktrin ini tidak dilihat dari sudut perkembangan dan maksud doktrin ini yang difahami oleh kedua-dua aliran. Literatur-literatur yang ditemui dan dikupas dalam bahagian ini banyak memberi maklumat dan teori serta pandangan mengenai aliran Syiah dan tasawuf. Malah penulisan yang mengaitkan kedua aliran juga dapat ditemui, namun masih kurang menepati fokus kajian ini sama ada dari sudut metodologi mahupun penerangan dapatan kajian. Malah, penulisan berbentuk ilmiah di Malaysia masih kurang memberi tumpuan terhadap isu ini. Oleh itu, kajian ini masih wajar dilaksanakan bagi mengisi ruang dalam bidang penulisan akademik ini.

METODOLOGI PENELITIAN

Penelitian ini merupakan kajian kualitatif yang menghubungkan dan membandingkan data dari pelbagai sumber menerusi beberapa metode dan instrumen berkaitan. Kajian kualitatif lebih sesuai diaplikasikan untuk menjelaskan sesuatu situasi atau keadaan (Konting, 1990), memahami idea atau teori, menghuraikan sesuatu kepercayaan, konsep dan menilai secara subjektif terhadap sesuatu perancangan (Elo et al., 2014; Nur Azwani, 2012) serta memahami dengan mendalam sebahagian pengalaman (Judy L. Krysik & Jerry Finn, 2010). Reka bentuk kajian ini termasuk dalam kategori *Multisite Studies*, iaitu kajian yang melibatkan metode perbandingan (*constant comparative method*). Metode perbandingan sesuai dijalankan bagi kajian yang melibatkan pelbagai sumber data (Bogdan & Biklen, 1992).

PENGUMPULAN DATA

Data kualitatif diperoleh dalam bentuk bertulis seperti laporan, buku, fail, akhbar, diari, manuskrip, surat atau catatan peribadi, juga diperolehi dengan menemubual responden atau pemerhatian (Nur Azwani, 2012). Kajian ini melibatkan temu bual dan dokumentasi sebagai instrumen untuk mendapatkan data kajian.

Temu Bual

Temu bual yang dilaksanakan adalah temu bual tidak berstruktur dan bukan formal yang dilaksanakan secara spontan mengikut kesesuaian situasi dengan lakaran skop isu kajian sebagai panduan. Temu bual terbuka atau tidak berstruktur ialah temu bual secara bebas tanpa panduan jawapan kepada responden (Judy L. Krysik & Jerry Finn, 2010). Manakala temu bual tidak formal adalah seperti perbualan biasa namun bertujuan, iaitu bagi mengelakkan situasi tidak selesa dalam sesuatu acara, hal ini lebih menjamin data.

Dokumentasi

Dokumen merupakan antara sumber yang penting bagi pengumpulan data untuk dinilai dan diulas khususnya dalam memahami sesuatu konsep atau mendapatkan teori yang baru. Pembinaan kerangka aplikasi metodologi lain seperti temu bual atau pemerhatian juga terkesan daripada ulasan dokumentasi yang biasanya diperoleh daripada tulisan asal pengkaji atau rakaman gambar yang asli (Bowen, 2009).

Sumber primer berbentuk dokumen terlibat sebagai instrumen kajian ini ialah catatan pengkaji semasa temu bual dan transkripsi temu bual dengan responden. Manakala literatur ilmiah dan buku-buku penulisan lain yang mengupas isu Syiah dan tarekat tasawuf merupakan sumber sekunder bagi tujuan analisis dalam kajian ini.

ANALISIS DATA

Kajian kualitatif lebih bersifat natural kerana sumber data yang tulen dan pengkaji merupakan kunci instrumen utama bertindak menganalisis data seterusnya merungkai hasil dapatan dalam bentuk penulisan secara ilmiah (Robert C. Bogdan & Sari Knopp Biklen, 1992). Kunci instrumen bagi kajian kualitatif ialah pengkaji itu sendiri yang menganalisa dan menghuraikan sesuatu fenomena atau perkara yang dikaji (Robert C. Bogdan & Sari Knopp Biklen, 1992).

Analisis dengan pendekatan *constant comparison* bermula dengan teknik *grounded theory* secara pengekodan terbuka (*open coding*) yang dilaksanakan. Proses yang sama diulang secara berterusan seiring melakukan perbandingan semasa pengekodan diubah suai (Humble, 2009). Metode *grounded theory* menjadikan literatur sebagai salah satu sumber data yang dianalisis secara komparatif setelah kategori utama, ciri-ciri serta aspek berkaitan telah timbul. (Judith A. Holton, 2008).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kupasan mengenai Nur Muhammad telah lama dibincangkan oleh para ulama Nusantara semenjak dahulu hingga ke hari ini. Para ulama berbeza pandangan dalam mengutarakan pandangan berkenaan Nur Muhammad. Dalam kitab-kitab tasawuf terdapat banyak kisah-kisah yang menceritakan makhluk yang pertama yang diciptakan adalah Nur Muhammad. Pandangan ini telah banyak menimbulkan kefahaman-kefahaman lain tentang diri Rasulullah SAW. Antara kisah yang diceritakan seperti Rasulullah SAW tidak mempunyai bayang dan ramai perempuan-perempuan tergilagilakan bapa Nabi SAW ketika Nur Muhammad dikatakan memancar di dahinya dan sehinggakan mereka mati oleh pancaran tersebut (Muhammad Asri, 2007)

Mengikut pandangan Responden Syiah 1 (2016), sebahagian riwayat Syiah menyebut bahawa Nabi Muhammad SAW diciptakan dari cahaya Tuhan dan seluruh makhluk diciptakan kerana Nabi Muhammad SAW. Penciptaan Rasulullah SAW dari sudut material dan jasmani seperti manusia lain serta hidup seperti masyarakat umumnya. Oleh kerana itulah Nabi Muhammad SAW mempunyai dua hakikat iaitu hakikat cahaya yang wujud pada awal penciptaan makhluk dan hakikat jasmani iaitu sebagaimana manusia seperti umumnya.

Dalam menjelaskan perkara ini Responden Syiah 1 (2016) telah menggunakan beberapa dalil naqli untuk memperkuat lagi hujah mereka tentang makhluk yang terawal diciptakan adalah Nur Nabi Muhammad SAW. Allah SWT dalam al-Quran memerintahkan kepada RasulNya untuk mengisytiharkan bahawa “Aku adalah orang yang pertama orang yang menyerahkan diri (kepada Allah)”.

Maksudnya: “Tiada sekutu bagiNya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama - (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintahNya)”.

(al-Quran, al-An’ām 6: 163)

Ayatullah ‘Abd Allah Jawadi Amuli (t.t) mentafsirkan ayat ini dengan maksud pertama dalam ayat ini adalah pertama (awwal) pada tingkatan dan darjat bukan pertama dari sudut urutan waktu. Dalam ayat ini Allah S.W.T memerintahkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk mengucapkan, “Saya adalah orang yang pertama beriman kepada Allah SWT “*Zāhir al-awwal*”. Dalam riwayat lain pula, Nabi Muhammad SAW bersabda: “Makhluk pertama yang diciptakan Allah SWT adalah cahayaku” (al-Majlīsī, al-Bihār al-Anwār, t.t). Riwayat ini membuktikan bahawa ciptaan pertama makhluk adalah cahaya. Manakala dalam riwayat lain pula Nabi Muhammad SAW:

“Arsy diciptakan dari cahaya Rasulullah SAW, para malaikat wujud dari cahaya ‘Ali r.a, langit-langit dan bumi diciptakan dari cahaya Fāṭimah r.a, matahari dan bulan diciptakan dari cahaya Imam Ḥasan r.a, manakala syurga dan bidadari diciptakan dari cahaya Imam Ḥusayn r.a”

(al-Ṭabṭabā’i, t.t).

“Dalam aliran Syiah kami tak panggil Nur Muhammad tapi kami ada nama tersendiri iaitu Nur Panjtan. Nur ini diciptakan lebih awal lagi dari makhluk lain. Allah SWT dah cipta cahaya lima; cahaya Nabi Muhammad SAW, Imam ‘Ali r.a, Sayidatina Fāṭimah r.a, Imam Ḥusayn r.a, dan Imam Ḥasan r.a, bahkan dalam riwayat lain ada kata Allah dah cipta cahaya 12 Imam yang lain juga. Kalau ikut kepercayaan Syiah Nur ini hidup dan berlegar-legar selama 50,000 tahun sebelum diciptanya makhluk lain”.

(Responden Syiah 1, 2016)

Berdasarkan pandangan di atas, Syiah mempunyai doktrin yang hampir sama berkaitan dengan makhluk terawal diciptakan oleh Allah. Dalam aliran Syiah dinamakan dengan Nur Panjtan yang dikatakan mempunyai kaitan dengan konsep Nur Muhammad dalam tasawuf. Nur Panjtan ialah Nur yang turun kepada Nabi Muhammad SAW, Sayidina ‘Ali r.a, Sayidatina Fāṭimah r.a, Sayidina Ḥusayn r.a, dan Sayidina Ḥasan r.a. Mengikut kepercayaan Syiah, Nur ini dikatakan berlegar-legar mengelilingi Arasy sebelum kejadian alam ini selama 50,000 tahun. Namun begitu dalam riwayat lain, Jābir ibn ‘Abd Allah menukilkan dari Imam Muhammad al-Bāqir r.a yang berkata:

“Allah SWT telah menciptakan empat belas cahaya dari cahaya agungNya empat belas ribu tahun sebelum penciptaan Nabi Adam a.s dan empat belas cahaya itu adalah roh-roh kami. Lalu Jābir bertanya kepada Imam al-Bāqir tentang siapakan empat belas cahaya-cahaya tersebut. “Beliau berkata Nabi Muhammad SAW, Imam ‘Ali r.a, Sayidatina Fāṭimah r.a, Imam Ḥusayn r.a, dan Imam Ḥasan r.a, sembilan keturunan Sayidina Ḥusayn dan yang kesembilan adalah *Qā’im* (orang yang akan bangkit untuk menegakkan keadilan) kami”.

(Jawad ibn ‘Abbās al-Karbalai, t.t).

Imam Muhammad Bāqir a.s berkata lagi:

“Wahai Jābir! Makhluk pertama diciptakan ialah Muhammad dan keluarganya yang mendapat petunjuk. Oleh itu mereka adalah *ashbah* (bayangan-bayangan) cahaya di hadapan Allah SWT. Jābir bertanya: “Ashbah itu apa?” Imam Muhammad al-Bāqir berkata: “Bayangan cahaya, badan-badan cahaya tanpa roh yang menyokong roh tunggal dan ia adalah roh qudus.

(al-Majlīsī, al-Bihār al-Anwār, t.t)

Riwayat ini telah menjelaskan empat belas cahaya ini berasal dari roh yang satu iaitu roh Nabi Muhammad SAW dan telah terpecah kepada empat belas cahaya keluarganya.

Gagasan tentang konsep Nur Muhammad ini bermula dari ajaran tasawuf dalam menjelaskan kejadian awal makhluk. Konsep ini banyak dibincangkan dalam kitab-kitab tasawuf dan sastera Melayu lama. Antara kitab yang membicarakan konsep Nur Muhammad ini ialah *Akbārul-Akhirat fi Ahwāl al-Qiyāmah*, *Kitab al-Kaukab al-Durri fi al-Nūr al-Muḥammadi* oleh Shaykh Muhammad ibn Ismā‘īl Dāūd al-Faṭāni, *Kitab Kashf al-Ghaibiyah* oleh Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭāni, *Sirr al-Asrār* karya Syaikh ‘Abd al-Qādir al-Jaylāni, *Kitab Madārij al-Su‘ūd* oleh Nawawi al-Bantāni. *Sabīl al-Idhkār wa al-I‘tibār* oleh Imam al-Ḥaddād (Nur Fauzan Ahmad, 2010).

Selain itu cerita tentang Nur Muhammad ini didapati juga di dalam naskah Melayu berbentuk cerita seperti Hikayat Muhammad Ali Hanafiyah, Hikayat Syah I Merdan, Sejarah Melayu, Hikayat Anbiya, Syair Ikan Tongkol. Selain itu tercatat sekitar 45 kitab tasawuf dan tauhid yang dapat ditemui yang membicarakan

Nur Muhammad ini. Karya-karya itu menunjukkan betapa luasnya penyebaran tema Nur Muhammad (Wan Zailan, 1994).

Perbandingan antara Nur Muhammad dengan Nur *Panjtan* ini berpandukan dalil yang sama iaitu Hadis Jābir r.a yang telah dikemukakan oleh ‘Abd al-Razzāq bin Hammām dalam Musnadnya. Rasulullah SAW bersabda kepada Jābir:

“Wahai Jābir Sesungguhnya Allah SWT telah menciptakan Nur Nabimu daripada NurNya sebelum menciptakan segala sesuatu. Maka Nur itu mula berputar dengan kudrat Allah selama dikehendakiNya. Pada masa itu belum ada lagi *Lawh* dan *Qalam*, syurga dan neraka. Belum juga ada malaikat, langit, matahari, bulan, jin dan manusia. Bila Allah hendak menjadikan makhluk dibahagiNya Nur itu kepada empat bahagian. Daripada bahagian pertama dijadikan *Qalam*, daripada bahagian kedua dijadikan *Lawh*, daripada yang ketiga dijadikan ‘*Arsh*. Kemudian Dia membahagikan bahagian yang keempat pada empat bahagian yang lain. Daripada bahagian pertama dijadikan ‘*Arsh*, daripada yang kedua dijadikan *Kursi* dan daripada yang ketiga dijadikan sekalian malaikat. Bahagian keempat pula dibahagikan kepada empat yang lain. Daripada bahagian pertama dijadikan langit, daripada bahagian kedua dijadikan bumi, daripada bahagian ketiga dijadikan syurga dan neraka kemudian yang keempat pula dibahagikan kepada empat bahagian ...” (hingga ke akhir hadis).

(Musnad ‘Abd al-Razzāq)

Namun begitu walaupun hadis Jābir r.a ini diambil dari sumber yang sama dengan Syiah tetapi mengikut Responden Tarekat 1 (2016), cara Syiah membahagi pecahan Nur Muhammad itu jauh berbeza dengan pecahan Nur yang terdapat dalam kitab-kitab tasawuf. Konsep Nur Muhammad dalam dunia tasawuf ialah bukan jasad Nabi Muhammad SAW tetapi ia adalah Nur atau cahaya nabi yang memiliki sifat-sifat kesempurnaan. Kesempurnaan disini bukan dengan makna sempurnanya sifat seperti Allah. Nur ini juga makhluk pertama yang diciptakan oleh Allah SWT. Hasil dari Nur ini, Allah menciptakan makhluk-makhluk lain seperti yang diceritakan dalam hadis Jābir di atas.

“Perkara ini boleh dianalogikan seperti gandum kerana daripada gandumlah terciptalah mee, kuih, kek dan sebagainya. Tetapi untuk menciptakan makanan yang berasaskan gandum mestilah melalui beberapa proses dan inilah maksud Nur Muhammad yang dimaksudkan dalam tasawuf yang memberi makna bahan mentah sebelum terciptanya makhluk-makhluk lain. Dari sudut dalil pula ialah terbahagi kepada dua bahagian iaitu dalil jelas dan dalil yang tidak jelas. Adapun dalil yang tidak jelas ini banyak tetapi tidak menggunakan nama Nur Muhammad sebaliknya membawa maksud Nur Muhammad. Sebagai contoh dalam tafsir al- Munīr Dr Wahbah Zuhayli.”

(Responden Tarekat 1, 2016)

Manakala dari sudut dalil yang jelas ialah hadis yang diriwayatkan oleh Jābir r.a dan hadis ini diterima oleh para ulama tasawuf. Namun status hadis tersebut dipertikaikan oleh sebahagian ahli hadis. Sesetengah ulama antaranya Maulana Ḥabīb al-Rahman al-Kandahlawi seorang tokoh hadis Pakistan telah menyatakan hadis ini palsu. Hadis ini dinilai berdasarkan *dirayahnya*. Hadis Jābir r.a ini menceritakan Allah SWT menciptakan Nur Muhammad sebahagian dari NurNya. Kemudian daripada Nur ini, Allah menciptakan sekalian makhluk dan alam. Maulana Habibur Rahman menafsirkan hadis ini seolah-olah Allah SWT telah terpecah kepada beberapa jujuk dan jisim yang tidak berakhir buat selama-lamanya. Perkara ini telah memberi makna bahawa setiap sesuatu yang ada dalam alam ini merupakan satu jujuk dari Nur Allah SWT. Kefahaman ini boleh membawa kepada konsep *Wahdah al-Wujūd* yang difahami olehnya sebagai kefahaman yang sesat (Muhammad Asri, 2013).

Selain itu juga hadis Jābir r.a ini ditolak kerana didakwa tidak dijumpai hadis ini di dalam sumber primer. Kebanyakan karya-karya ahli tasawuf ini menukilkan hadis tersebut daripada sumber sekunder yang mengatakan hadis tersebut diriwayatkan dalam Musnad ‘Abd al-Razzāq ibn Hammām. Oleh sebab inilah para ulama tasawuf kembali mencari kitab asal tulisan ‘Abd al-Razzāq sebagai rujukan dalam isu ini:

“Seorang dekan Fakuti Syariah di Dubai telah berusaha mencari musnad ini diseluruh dunia dan menjumpainya di India. Setelah ditemui maka hadis ini ditahkik dan kesimpulannya hadis ini makbul dengan perawi-perawi yang *thiqah* dan berdarjat sah”.
”

(Responden Tarekat 1, 2016).

Setelah berjaya dibuktikan dengan penemuan Musnad ‘Abd al-Razzāq, para ulama telah mengelaskan bahawa hadis berkaitan Nur Muhammad ini sah. Walaupun hadis ini sering dikaitkan dengan fahaman Syiah dan asas kepada fahaman *Wahdah al-Wujūd*, tetapi penemuan kitab asal ini telah berjaya menjawab semua persolan dan tuduhan-tuduhan dari golongan yang anti tasawuf. Hasil daripada kajian ini, pengkaji

berpandangan bahawa konsep penciptaan awal makhluk ini terdapat persamaan dari sudut sumber pendaliran konsep Nur Muhammad dengan Nur Panjtan. Namun, keterangan dan huraian yang difahami oleh kedua-dua aliran sangat jauh berbeza.

KESIMPULAN

Beberapa kekeliruan telah dijelaskan oleh pengkaji dalam kajian ini. Namun begitu pengkaji melihat wujud beberapa persamaan secara asasnya antara Nur Muhammad dengan Nur Panjtan. Akan tetapi dari aspek penghayatan dan kefahaman dilihat mempunyai perbezaan yang jauh. Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa doktrin ini wujud persamaan pada peringkat awal kerana Syiah pada asalnya bermula dari aliran Islam yang betul dan tidak menyimpang. Hal ini menjadikan aliran Syiah ini melakukan beberapa dakwaan yang hampir sama dengan dakwaan golongan sufi iaitu silsilah rantaian tarekat sufi yang sama dengan silsilah Imam-Imam Syiah, sejarah kedatangan Islam ke Nusantara yang dibawa oleh ulama tasawuf, dan konsep-konsep yang ada dalam tasawuf hampir sama dengan konsep-konsep yang ada dalam aliran irfan Syiah.

RUJUKAN

- Abdulfatah Haron Ibrahim. (1987). *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 'Abd al-'Azi>z Su>karna>wa>di. (2011). *al-Rudud al-Mard}iyyah 'ala Munkiri al-Sa>dah al-S{ufiyyah*. Tesis Sajana yang diterbitkan. Kaherah: Mat}ba'ah 'Tba>d al-Rah}man.
- Abdul Hadi W.M (2001). *Tasawuf yang Tertindas: Kajian Hermeneutik terhadap Karya-karya Hamzah fansuri*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- al-Majli>si. (t.t). *al-Bih}a>r al-Anwa>r*. t.t.p: t.p.
- al-T{abt}aba>'i. (t.t). *al-Mi>za>n*. t.t.p: t.p.
- Bowen, G. A. (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal*, vol. 9 (2) , 27-40.
- Budah Udah Mohsin. (1997). Nur Muhammad: Satu Kajian Mengenai Kesahihan Hadis-Hadis. *Al-Maw'izah*, 5.
- Elo, S., Kaariainen, M., Kanste, O., Polkki, T., Utriainen, K., & Kyngas, H. (2014). Qualitative Content Analysis: A Focus on Trustworthiness. *SAGE Open*, 4(1), 1–10. <http://doi.org/10.1177/2158244014522633>
- Humble, A. M. (2009). Technique Triangulation for Validation in Directed Content Analysis. *International Journal of Qualitative Methods*, 8(3), 34-51.
- Jawad ibn 'Abba>s al-Karbalai. (t.t). *al-Anwa>r al-Sat}i'ah*. t.t.p: t.p.
- Judith A. Holton. (2008). Grounded Theory as a General Research Methodology. *Grounded Theory Review: An International Journal*.
- Judy L. Krysik & Jerry Finn. (2010). *Research for Effective Sosial Practice*. New York: Routledge; Taylor & Francis Group.
- Kamil Mus}t}afa al-Shaybi. (1982 Cetakan ke-3). *al-S{ilah bayna al-Tas}awwuf wa al-Tashayyu': al-'Ana>s}ir al-Shi>'iyyah fi al-Tas}awwuf*. Beirut: Da>r al-Andalus.
- Kamis Ismail. (2003). *Shiah dan Pengaruhnya dalam bidang Politik dan Tasawwuf Falsafah di Alam Melayu*. Bangi: Tesis Phd Fakulti Sains Sosial dan kemanusiaan, UKM.
- Konting, M. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia
- Maruan bin Mohd Yusoff. (2002). *Nur Muantanhammad: Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam di Negeri Kelantan*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Melayu.
- Mahayudin Yahaya. (1994). *Naskah Jawi Sejarah dan Teks*, Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Asri Yusof. (2007 (Cetakan ke-3)). *Pengaruh Syi'ah dalam Tasawwuf dan Tariqat*. Kelantan: Pustaka Bisjarah.
- Muhammad Bukhari Lubis. (1993). *The Ocean of Unity: Wahdat al-Wujud in Persian, Turkish and Malay Poetry*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Azwani, M. (2012). *Kaedah Penyelidikan untuk Ijazah pertama KUIN-KIAS*. Nilam Puri, Kelantan, Malaysia.
- Responden Syiah 1. 3/2/2017, Gombak, Nur Panjtan, Ismah dan Tawasuf.
- Responden Tarekat 1. 14/3/2016, Unisza, Nur Muhammad, Silsilah Tarekat
- Seyyed Hossein Nasr. (1975). *Ideais and Realities*. London: Mandala, Books.

- Syeikh Ali Jumaah. (2007). *Fatwa Syeikh Ali Jumaah: Keterangan yang Jitu untuk Memperbetulkan Beberapa Fahaman yang Keliru*. (Penterjemah: Abu al-Baqir ad-Dusuqi). Kota Bharu: Pustaka al-Baqir.
- U.Rubin. (1975). *Pre Existence and Light:Aspects of the concept of Nur Muhammad*. T.T.P: Israel Oriental Studies.
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. (1994). Aliran Syiah di Nusantara: Perkembangan, Pengaruh dan Kesan. *Jurnal Jabatan Sejarah*. Universiti Malaya.
- Zulkefli Aini. (2008). *Doktrin Nur Muhammad di Alam Melayu: Kajian Terhadap Pemikiran Hamzah Fansuri, Nur al-Din al-Raniri dan Abd Ra'uf al-Fansuri*. Tesis Phd. Kuala Lumpur: Universiti Melaya.